

# Minggu Saham Amanah Malaysia PNB beralih ke dunia digital

Oleh Adriana Mroon Ambrose

**KUALA LUMPUR:** Selaras dengan perkembangan transformasi digital, Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan syarikat pengurusan unit amanah, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) buat julung kalinya akan menganjurkan Minggu Saham Digital (MSD) bermula 18 hingga 24 November 2020 melalui Facebook dan YouTube.

MSD merupakan adaptasi digital dan pengganti moden Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) yang bertujuan untuk mendidik para pemegang unit ASNB mengenai unit amanah, pelaburan serta konsep risiko dan pulangan dan juga pengurusan kewangan.

Setelah dua dekad diperkenalkan, acara MSAM telah menjadi sebuah platform interaktif bagi rakyat Malaysia untuk mengenali PNB dan syarikat-syarikat pelaburannya dan platform ini berjaya menarik sejumlah 3.9 juta pengunjung sejak ia dilancarkan.

Bertemakan #LaburBersama, PNB berharap melalui MSD ini juga dapat memberi peluang kepada pemegang unit ASNB mendapat gambaran bagaimana pelaburan mereka menyumbang kepada kekuatan ekonomi Malaysia.

Rakan korporat PNB untuk MSD ada tiga peringkat iaitu kategori Rakan Premier yang terdiri daripada Maybank Berhad, Sime Darby Plantation Berhad dan UMW Holdings Berhad; Rakan Utama pula terdiri daripada Sime Darby Berhad, Sime Darby Property Berhad, SP Setia Berhad, MIDF Berhad dan Perusahaan Otomobil Kedua Sendirian Berhad (Perodua).

Bagi kategori Rakan Utama terdiri daripada MNRB Holdings Berhad, CCM Berhad, Duopharma Biotech

Berhad, Velesto Energy Berhad, Sapura Energy Berhad dan Projek Lintasan Kota Holdings (Prolintas).


**Pertandingan Pencarian Harta Karun Maya, 'Eh, Mana Kod?' tawar hadiah utama Ford Ranger 2.0**

Menariknya, menerusi acara digital yang lain daripada yang lain ini, peserta juga boleh menyertai Pertandingan Pencarian Harta Karun Maya, 'Eh, Mana Kod?' yang mana para peserta berpeluang memenangi hadiah bernilai melebihi RM500,000.

Untuk makluman anda, pencarian harta karun secara maya Eh Mana Kod? telah bermula dan akan berlangsung sehingga jam 11.59 malam pada 30 November 2020 dan sepanjang tempoh peraduan, para peserta perlu mengumpulkan sebilangan besar kod tersembunyi yang terdapat dalam semua video yang disiarkan di saluran media sosial MSD dan juga di laman web MSD.

Peserta Pertandingan Pencarian Harta Karun Maya, 'Eh, Mana Kod?' berpeluang memenangi hadiah-hadiah bernilai lebih RM500,000 termasuk sebuah Ford Ranger 2.0L XLT 4WD (10AT), sebuah Toyota Vios 1.5G (AT), sebuah Perodua Aruz 1.5AV (AT), sebuah Honda CBR250, lapan Honda Dash 125S dan e-baucar Lazada bernilai lebih RM180,000. Peraturan, terma dan syarat-syarat penyertaan boleh didapati di laman mikro MSD.

Jangan lepaskan peluang anda dan daftarlah sekarang di laman web MSD untuk menjadi antara 2,500 peserta bertuah yang bertanding bagi memenangi e-baucar Lazada bernilai RM50 setiap satu. Pemenang akan diumumkan dalam tempoh acara MSD 2020 berlangsung, antara 18 hingga 23 November 2020 melalui laman Facebook



MSD.

Sepanjang tujuh hari ini juga, rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat dapat menyaksikan pelbagai aktiviti, daripada siri forum dan webinar pendidikan, kepada segmen-segmen yang menghiburkan seperti konsert maya.

Antaranya ialah Cikgu CEO yang dipersembahkan oleh PNB, Maybank Berhad, dan UMW Holdings Berhad yang mana MSD akan men-

jadi hos sebuah siri webinar topikal yang interaktif dan mudah diikuti yang memaparkan soalan daripada golongan belia Malaysia dalam interaksi maya bersama para CEO dengan harapan untuk mendidik para belia mengenai kepentingan literasi kewangan.

Bagi mereka yang berminat dengan topik Kewangan Islam semasa, anda harus menonton Forum Kewangan Syariah yang dibawakan



oleh MNRB Holdings Berhad. Rancangan ini akan menampilkan Imam Muda Asyraf dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas Berhad, Nor Azman Zainal.

Selain itu, orang ramai juga boleh mengikuti program Makan Dulu yang berunsurkan topik perbincangan mengenai kewangan, pelaburan, keusahawanan dan ekonomi dengan ahli panel yang juga merupakan

pemimpin industri. Rancangan bual bicara ini dibawa kepada penonton oleh UMW Holdings Berhad, Maybank Berhad dan MIDF Berhad.

Bagi yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang Amanah Saham Nasional Berhad, anda boleh menonton siri forum Sembang-Sembang ASNB yang membincangkan topik-topik utama untuk memperkaskan diri dengan ilmu kewangan yang mana PNB akan

menjemput peneraju industri untuk berkongsi rahsia dan kepakaran mereka.

Antara aktiviti lain yang boleh dimanfaatkan daripada MSD ini ialah siri forum School of Business (ASB)-Iclif MBA Masterclass untuk menambah pengetahuan anda dalam dunia kewangan, keusahawanan dan pelaburan bersama para penceramah antarabangsa.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai pembiayaan ASB ataupun amanah saham, anda juga boleh menempah janji temu peribadi melalui borang Khidmat Nasihat 1-1, hanya di microsite PNB sepanjang tujuh hari tersebut.

Menerusi acara digital yang lain peserta juga berpeluang menemui selebriti terkenal Awal Ashari dalam program Selesa dan Jumpa di 118.

Bukan itu sahaja, peserta juga berpeluang mengikuti konsert maya terbesar Pass The Mic. Siaran harian ini menampilkan Feeya Iskandar, Sissy Imann, Jiggy dan Alif Farhan sebagai hos. MSD menjemput K Clique, Akim Ahmad, Hael Husaini, Dayang Nurfaizah dan Aman Ra pada 21 November 2020 jam 8.30 malam.

Acara tahun ini juga akan memberi penghormatan kepada masakan unik Malaysia. Selebriti Fizo Omar, Elfira Loy, Sherson Lian dan Datuk Fazley Yaakob bersama ibu mereka akan muncul dalam rancangan memasak dalam segmen Masak Macam Mak.

Antara aktiviti lain yang bakal menemui anda di MSD ini ialah Kereta Kita, Betul Ke, Doc?, Lepak Je! dan GG Bro!

Untuk maklumat lanjut, layari [www.minggusaham-digital.com.my](http://www.minggusaham-digital.com.my) atau laman media sosial rasmi untuk @minggusahamdigital di Facebook, @minggusahamdigital di Instagram dan Minggu Saham Digital di Youtube.